

Malaysia sambut baik renminbi China sebagai mata wang rizab global

Malaysian Insider

Dec 1, 2015

Bank Negara Malaysia (BNM) hari ini menyambut baik langkah terbaharu Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memasukkan renminbi (RMB) China sebagai mata wang rizab dengan menyatakan ia akan banyak menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan antarabangsa.

Gabenor BNM Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata perkembangan itu amat dialu-alukan dan pada masa hadapan akan menyaksikan peningkatan kepentingan mata wang lain sebagai rizab dalam sistem monetari.

"Sudah tentunya, dolar AS akan masih menjadi mata wang dominan, tetapi dengan adanya mata wang seperti euro, yen, sterling dan kini yuan (RMB), ia merupakan satu kemajuan penting," katanya kepada media selepas merasmikan "Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan Iclif 2015", di Kuala Lumpur, hari ini.

Zeti berkata BNM adalah bank pusat pertama di dunia menerima status Pelabur Institusi Asing yang Layak (QFII) daripada pihak berkuasa China pada 2011 dan mempunyai RMB sebagai rizabnya.

"Kita sudah pun mempunyai RMB pada tahap yang kita selesa. Kita akan menilainya dan oleh kerana saiz pasaran sedang berkembang, akan ada lagi peluang untuk pelaburan," katanya.

IMF mengumumkan semalam RMB atau yuan akan menyertai kumpulan mata wang rizab dana tersebut iaitu dolar AS, euro, yen dan pound.

Perubahan terakhir yang dibuat bagi kumpulan mata wang rizab itu ialah pada 2000, apabila euro menggantikan mark Jerman dan franc Perancis.

Zeti berkata langkah IMF itu akan membuka laluan bagi penggunaan RMB yang lebih meluas dalam perdagangan dan kewangan.

"Pengumuman penubuhan bank penjelasan di Malaysia bagi RMB terdahulu merupakan satu langkah penting, dan dengan status QFII, ia akan menyokong lagi penggunaannya dalam menyelesaikan urusan niaga perdagangan dan pelaburan.

"Bagi pihak kami, kami menggalakkan kesedaran dalam kalangan pengimport dan pengeksport tentang bagaimana mereka boleh mendapat manfaat daripada penggunaan meluas RMB dan tidak berdepan dengan turun naik 'mata wang ketiga' dalam perdagangan 2 hala.

"Pada peringkat Asean, bagi negara-negara yang mempunyai perdagangan kukuh dengan China, saya percaya mereka akan menggunakan RMB sebagai mata wang perdagangan, kerana dengan berbuat demikian, ia tidak akan mendedahkan mereka kepada turun naik mata wang ke-3," katanya.

Sementara itu, dalam ucapan beliau semasa merasmikan acara Iclif, Zeti menegaskan bank-bank pusat perlu mahir sebagai pengurus risiko dalam mengetahui apa yang salah dan bersiap sedia menghadapi kemungkinan buruk yang bakal terjadi.

"Ia melibatkan membina penampan untuk bersiap sedia menghadapi perkara tidak dijangka sebelum ia berlaku.

"Apabila saya ditanya soalan mengenai bagaimana kita menangani 'the lift off', iaitu penormalan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS, jawapan saya ialah, ia bukan apa yang akan kita lakukan sekarang, tetapi apa yang telah kita lakukan sebelum itu yang akan menyaksikan kita melalui tempoh ini.

"Bukan hanya penampan yang telah dibina, tetapi keupayaan yang dibangunkan untuk membolehkan kita mengantarakannya dengan lebih baik, dan seterusnya menyerap jangkakan kejutan peristiwa ini," katanya. – Bernama, 1 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-sambut-baik-renmin-bi-china-sebagai-mata-wang-rizab-global>